

PAS tidak tolak pemerksaan ekonomi Bumiputera
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

PAS Selangor mempertikaikan laporan yang mendakwa Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) menolak program pemerksaan ekonomi Bumiputera yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini.

Pesuruhjaya III PAS Selangor, Khalid Samad, berkata Presiden PAS itu bukan bermaksud menolak tetapi hanya mempersoalkan keberkesanan pelan tersebut kepada golongan Bumiputera.

"Apa yang dilaporkan itu tidak betul kerana saya yakin maksud Presiden PAS ialah beliau hanya mempersoalkan relevan pelan tersebut pada masa kini dengan Bumiputera.

"Bukan bermaksud pelan itu tidak bagus, ia bagus sekiranya memang benar golongan yang memerlukan bantuan mendapat manfaat. Namun selama 40 tahun dijalankan kami cuma lihat pendekatan pelan itu masih gagal," katanya pada sidang media PAS Selangor di Shah Alam hari ini.

Malah PAS menggesa pemerksaan ekonomi dibuat lebih sekata pada semua kaum.

Khalid berkata, PAS tidak pernah mempersoalkan beberapa perkara dalam perlembagaan termasuk keistimewaan hak Bumiputera.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermaksud hak kepentingan kaum lain dinafikan.

"Kita tidak menolak kaum Bumiputera yang memerlukan bantuan tetapi ia tidak bermakna Najib langsung tidak mempedulikan kaum lain.

"Ia adalah isu 40 tahun lalu dan perkara yang sama diulangi, tiada perubahan dan akan terus gagal 40 tahun lagi kerana budaya politiknya," katanya.

Beliau berkata, apa yang dimaksudkan oleh Hadi ialah kesungguhan dan keikhlasan Umno untuk menolong kaum Bumiputera.

Ini kerana, katanya, melalui pemerhatian PAS, segala yang diumumkan itu berbalik kepada drama pemilihan Umno yang bakal menjelang dan Najib dilihat mahu melonjakkan imejnya sebagai pejuang kaum Melayu.

"Ia mainan politik Umno, pendekatannya cuma ingin meraih sokongan orang Melayu dan tidak lebih daripada itu.

"Kononnya hendak memberi bantuan kepada sektor gas dan minyak, tetapi berapa ramai orang kampung yang terlibat dalam industri ini. Tidakkah ia hanya menyalurkan dana kepada syarikat Kencana Petroleum milik anak Mahathir," katanya.

Khalid berkata, PAS bimbang di penghujungnya, orang Melayu yang memerlukan bantuan tetap akan terpinggir kerana budaya kroni dalam Umno.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kenyataan Presiden PAS itu yang didakwa

menolak pemerksaan ekonomi bumiputera yang dilancarkan pada Sabtu lalu.

Hadi berkata, insentif itu hanya diberikan kepada satu kaum saja dan ia meminggirkan kaum lain di negara ini.

Katanya, PAS lebih mengutamakan kerajaan berkeadilan yang tidak hanya memfokuskan kepada kaum Bumiputera sahaja.

"Kita sedar kaum bukan Bumiputera turut berdepan dengan masalah kemiskinan, oleh itu PAS menjunjung prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi menghapus kemiskinan. Kerajaan melakukan perkara yang salah kerana atas nama Bumiputera, agenda bukan Bumiputera diabaikan.

"Perlembagaan jelas memelihara kepentingan kaum lain seperti penduduk di perumahan yang perlu diberi tanah kerana itu adalah hak rakyat dan hak asasi manusia yang dijunjung di serata dunia," katanya. – 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-tidak-tolak-pemerksaan-ekonomi-bumiputera>